



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(40)

Tarikh : 14 Januari 2013

SIARAN MEDIA

PROJEK TERBENGKALAI DESA KPMP BERJAYA DISIAPKAN AWAL TANPA KOS TAMBAHAN

BATU GAJAH, 14 Januari 2013 - Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.Bhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak merasmikan majlis penyerahan kunci projek terbengkalai Desa KPMP pada petang ini. Projek ini telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Mei 2011 ini telah berjaya disiapkan sebulan awal dari tempoh kontrak oleh kontraktor penyelamat Syarikat Unijaya Sdn. Bhd dan pihak pelikuidasi Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. Projek pemulihan ini juga telah disiapkan tanpa dana dari Kerajaan dan kos tambahan dari pembeli rumah. Tempoh kontrak pemulihan adalah selama 10 bulan mulai 2 Mac 2012 hingga 2 Januari 2013. Sijil Layak Menduduki (CFO) bagi Desa KPMP ini juga telah berjaya diperolehi pada 6 Disember 2012 untuk pelbagai kategori rumah yang terdiri daripada 298 unit pelbagai kategori rumah teres satu tingkat dan dua tingkat serta 6 unit rumah kedai.

Projek Perumahan Desa KPMP adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan di Kampung Gajah, Perak oleh syarikat Dwi Milik Sdn. Bhd. di atas tanah milik Koperasi

Pembangunan Keluarga Hj. Mohamed Perak (KPMP). Kerja-kerja pembinaan terhenti pada pertengahan 2006 apabila pemaju projek berhadapan dengan masalah kewangan dan masalah penjualan. Pada 14 Februari 2012, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan pihak Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Syarikat Unijaya Sdn. Bhd pula telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat oleh pihak pelikuidasi pada 31 Januari 2012. Majlis pada petang ini diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah, pegawai Kanan KPKT, pegawai kanan SUK Perak, eksekutif kanan Syarikat Unijaya Sdn. Bhd, Eksekutif kanan Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd dan pembeli rumah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my